

on 15 July 2013

Persatuan Pengurus UNIMAS (PPU) Lancar Kutipan Derma Kilat Kampung Dato, Sibul



Bersimpati ke atas bencana kebakaran yang telah menimpa 144 buah keluarga penduduk Kampung Dato pada 19 Jun 2013, Persatuan Pengurus UNIMAS (PPU) telah mengambil inisiatif dengan mengadakan Kutipan Derma Kilat Kampung Dato, Sibul. Kutipan wang ringgit dan barang keperluan harian telah diadakan selama seminggu.

Pada Majlis Amanat Naib Canselor Tahun 2013 yang telah diadakan pada 26 Jun 2013, kutipan wang ringgit telah dibuat dan sebanyak RM1,252.85 telah dikumpul. UNIMAS turut menyumbang sebanyak RM5,000.00 untuk mangsa yang terlibat dalam bencana berkenaan. Menurut Pengarah Program, Cik Mahani Huja Husin, "Sepanjang tempoh seminggu Kutipan Derma Kilat diadakan, sebanyak RM5,712.95 telah dikumpul dari hasil sumbangan warga UNIMAS dan ini menjadikan jumlah kutipan sebanyak RM11,965.80'.

Pada 5 Julai 2013, bertempat di Pejabat Daerah Sibul, penyerahan cek sumbangan UNIMAS bernilai RM 5,000.00 telah diserahkan oleh Pengarah Program, Cik Mahani Huja Husin kepada Puan Salehah binti Hid, wakil Pejabat Daerah Sibul. Semua hasil sumbangan dan peralatan keperluan harian kemudiannya telah diserahkan oleh wakil ahli-ahli Persatuan Pengurus UNIMAS yang telah diadakan di Masjid An-Nur Sibul. Dengan hasil sumbangan ini, Persatuan Pengurus UNIMAS (PPU) dan warga UNIMAS amnya berharap ianya dapat meringankan sedikit beban mangsa yang terlibat di dalam kebakaran tempoh hari.



Bersama salah seorang mangsa.